

Mitos Angkapio Sebagai Isyarat Alam Peneguh Firasat Murut Paluan

The Myth of Angkapio as a Nature's Sign Strengthening the Intuition Murut Paluan

Jacquelina Karimon

jacquelina@usm.com

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

Steven Alezender*

GS63579@student.upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Darwalis Sazan

darwalissazan@usm.my

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

Published: 08 December 2023

To cite this article (APA): Karimon, J., Alezender, S., & Sazan, D. (2023). Mitos Angkapio Sebagai Isyarat Alam Peneguh Firasat Murut Paluan. *PENDETA*, 14(2), 146–161.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.12.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.12.2023>

ABSTRAK

Mitos kepercayaan manusia primitif. Kepercayaan yang menyanjung alam tumbuhan dan binatang sebagai penyampai konotasi bahaya dan berita baik. Realitinya jasad alam merupakan kehidupan yang dekat dengan masyarakat Murut Paluan. Penceritaan mitos *angkapio* banyak mengaitkan binatang dan tumbuhan sebagai agen pengetahuan yang mampu difahami oleh manusia. Kejadian sesuatu peristiwa dipercayai mampu difahami dan diketahui melalui isyarat daripada alam. Pembukaan suatu kawasan, berburu, mencari rezeki di tengah hutan dan mengetahui kejadian bencana banyak ditafsirkan melalui isyarat alam. Kedekatan hidup dengan hutan menjadikan masyarakat Murut Paluan begitu peka dengan kejadian yang bakal menimpa mereka. Maklumat yang terkandung dalam mitos *angkapio*. Isyarat alam menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kejadian dan peristiwa. Terdapat pula tindak balas yang dilakukan untuk menghindari sebuah kejadian buruk supaya tidak menimpa mereka. Cerita mitos sebegini bukanlah dongeng bagi mereka tetapi menjadi kepercayaan sebagai pentunjuk firasat yang benar dalam kehidupan. Makalah ini merupakan kajian lapangan yang mengutip pandangan hidup masyarakat Murut Paluan mengenai mitos *angkapio* yang masih tersimpan sebagai panduan ketika di dalam hutan.

Kata Kunci: Mitos *angkapio*; kepercayaan; tumbuhan dan binatang; Murut Paluan; alam ghaib

ABSTRACT

The Myth of Primitive Human Beliefs. Beliefs that venerate the plant and animal kingdom as conveyors of both danger and good news. In reality, the natural world is intimately entwined with the lives of the Murut Paluan community. The narration of the Angkapio myth frequently associates animals and plants as agents of knowledge comprehensible to humans. Events and occurrences are believed to be understood and foreseen through signals from nature. Opening up an area, hunting, seeking sustenance in the midst of the forest, and being aware of disasters are often interpreted through natural signs. The closeness of life to the forest makes the Murut Paluan community highly attuned to events that may befall them. The information contained in the Angkapio myth.

Natural signs make them more prepared to face any event or occurrence. There are also actions taken to avert a negative event from befalling them. Stories like these are not mere tales for them, but rather beliefs serving as true premonitory guidance in life. This paper is a field study that gathers insights into the worldview of the Murut Paluan community regarding the Angkapio myth, which still serves as a guide when in the forest practice than female students. The conclusion from this study is that UKM students still maintain their identity from the aspect of using the Malay language.

Keywords: Mitos *angkapio*; kepercayaan; tumbuhan dan binatang; Murut Paluan; alam ghaib.

PENDAHULUAN

Murut Paluan pemilik mitos yang unik. Dimensi keunikan ini masih menebal dan memberi cerminan hubungan erat mereka dengan alam. Fasa kehidupan mereka pernah ditandai sebagai masyarakat yang pernah lahir dalam taraf kehidupan pagan dan belum mencapai corak kehidupan mengenal tulisan. Ketiadaan aliran perkembangan ilmu tulisan bukanlah menjadi perkara yang asing jika masyarakat Murut Paluan juga memiliki kekayaan tradisi lisan dan hidup dalam masyarakat yang belum mengenal huruf (*folk society*). Menurut Talib Osman, sastera lisan mempunyai beberapa ciri yang tersendiri salah satunya ialah sastera lisan itu lahir dalam kelompok masyarakat yang belum mencapai kemajuan. Kelompok masyarakat ini dikenali oleh antropologis sebagai masyarakat yang sederhana iaitu masyarakat yang belum mengenal huruf dan mereka juga pernah melalui *folk society* (Ismail Hamid 1987: 2). Perbendaharaan cerita-cerita rakyat menjadi fungsi yang sangat rapat dan mencerminkan cara berfikir masyarakatnya yang mempunyai keistimewaan, acuan dan versi tersendiri. Oleh itu, mitos dalam rangka cerita rakyat Murut Paluan sangat berperanan besar dalam menonjolkan kepercayaan, identiti, spiritual, amalan dan pengalaman serta pandangan hidup masyarakatnya.

Alam, penyimpan dan penyampai mitos. Pengungkapan mengenai dunia alam tumbuhan dan haiwan merupakan penonjolan dunia ini yang misteri kerana laras komunikasi yang berbeza dengan manusia. Walau bagaimanapun, jika diteliti dunia tumbuhan dan haiwan serta sekeliling alam semula jadi telah banyak memberikan kod rahsia alam kepada dunia manusia. Setiap maklumat mengenai bumi kebanyakannya adalah disampaikan alam melalui pengantara manusia yang berkebolehan mentafsirnya. Tidak harianlah jika alam menyimpan dan agen penyampai melalui "mitos *angkapio*" yang membantu Murut Paluan mengenali maksud kiriman bunyi dan visual yang diterima daripada alam. Melalui kepercayaan terhadap mitos manusia boleh bertindak balas dengan cepat dan bersedia untuk menyesuaikan kelompok mereka daripada keadaan yang bakal dihadapi. Proses komunikasi berlaku dan menjadi kunci kepada jawapan persoalan manusia dengan alam sekeliling mereka. Tabiat alam menjadi rujukan kepada Murut Paluan untuk mengenal pasti perubahan di sekeliling mereka. Mitos *angkapio* ini tidak dapat diukur kebenarannya, namun gagasan kepercayaannya adalah teguh.

SOROTAN KAJIAN

Kajian mendalam terhadap folklore Murut Paluan di Sabah masih lagi belum dilakukan secara meluas. Kenyataannya, folklore Kadazandusun berbeza pula nasibnya yang telah diperbincangkan lebih awal. Pada peringkat awalnya, tidak banyak kajian yang bersifat ilmiah difokuskan ke atas folklore Sabah kecuali minat dan usaha yang sekadar mengumpul dan mendokumentasikan semua cerita dalam bentuk buku atau naskah. Pengumpulan ini pula dilakukan dengan mencampurkan semua cerita Murut yang tidak jauh beza dengan subetnik Murut yang lain di Sabah.

Kajian terhadap mitos *angkapio* atau sesuatu yang menceritakan mengenai alam adalah telah ada tetapi tidak ditampilkan secara ilmiah. Jika dilihat kedatangan ahli antropologi Barat seperti Owen Rutter (1929: 223-225) telah membicarakan mengenai Perayaan dan kepercayaan masyarakat Murut dan Dusun dalam bukunya yang bertajuk *The Pagans of North Borneo*. Tajuk tersebut mengutip *Omens* yang membicarakan petanda kepada daripada binatang. Zini bin Mod Isa (1969: 115) juga turut menyelitkan sedikit mengenai peranan binatang dalam

memberikan khabar baik dan buruk kepada masyarakat Murut dalam buku yang bertajuk Kebudayaan dan Adat Resam Kadazandusun dan Murut. Tom Harrison (1967), telah memberikan terminologi yang hampir dengan makalah ini iaitu *kapio* merupakan kepercayaan yang tahuyl dan *animisme* dalam kalangan masyarakat Murut.

Penelitian ini juga turut mengambil kira buku-buku berunsur mitos yang didokumentasi ahli antropologi sebelumnya dan sehingga ditekuni oleh pengkaji mitos tempatan. Jika ditelusuri kajian terhadap aspek-aspek yang berkait rapat dengan *world-view* dan kepercayaan masyarakat di Sabah telah banyak menarik pengkaji Barat. William T. R (1965) yang mengkaji mengenai kisah penceritaan Legenda Kinabalu yang menyentuh kisah asal-usul masyarakat Dusun. Kajian William (1969) diteruskan dengan membuat pendedahan menarik mengenai ciri-ciri tradisional dan kebudayaan masyarakat Dusun dalam kajianya *A Childhood: Enculturation in Dusun Society*. Salah seorang pengkaji Barat yang mengakui bahawa tradisi lisan di Sabah masih hidup dalam masyarakatnya ialah Whelan (1970) beliau membuat kajian mengenai aspek sejarah, cara, hidup dan kepercayaan masyarakat Kadazandusun.

Kajian mengenai pengumpulan cerita rakyat mitos dan legenda telah mendapat kerjasama antara pihak tempatan dan Barat. Terdapat pendokumentasian yang dilakukan oleh Leon Comber (1975), sebanyak 14 cerita yang telah dikutip daripada kawasan Borneo Timur Malaysia bagi tujuan kegunaan sekolah-sekolah. Pelajar-pelajar dari St. Francis Xavier Keningau mendokumentasikan 20 cerita rakyat yang dimuatkan dalam buku bertajuk Adat-adat dan Dongeng-dongeng di Sabah. Seorang lagi pengumpul cerita tempatan Sabah ialah Margeret M. Brooks (1961), Beliau telah memuatkan 10 buah cerita dalam 1 buku.

Brewis (1985) telah menerbitan analogi cerita mitos dan legenda Sabah dalam buku terbitan yang bertajuk *Cerita Dongeng Sabah*. Koleksi ini mengandungi 4 cerita etnik Murut Timugon yang bertajuk *Tales and Traditions from Sabah* dan diterjemahkan kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sebuah lagi buku yang mengandungi sebanyak 9 cerita rakyat yang telah dikumpul oleh Mohd. Nor Long (1976). Selain itu, seorang lagi pengkaji bernama Marsh (1988) dalam antologi yang sama telah memuatkan 31 buah cerita mitos legenda dan rakyat yang dikutip daripada masyarakat Kadazandusun dan Murut di daerah Tambunan, Keningau, Tenom dan Pensiangan. Pada tahun 1991 terdapat lima buah cerita suku Murut Tagal dikutip oleh (Nygren 1991). Semua analogi sastera rakyat yang dikutip oleh pihak Barat diterjemahkan dalam bahasa inggeris. Seorang pengkaji awal tempatan telah tampil, iaitu Arena Wati (1978) telah menulis sebuah buku hasil penyelidikan beliau yang bertajuk *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*.

Menghampiri tahun 2000, seorang pengutip cerita tempatan Rita Lasimbang (1999) telah membuat usaha pengdokumentasian cerita-cerita tempatan di Sabah. Dan menyumbang kepada cerita mitos dan legenda Sabah dalam 10 cerita yang berbeza. Alaf baru, kajian Jacinta Tangil (2001), membincangkan perkaian antara puisi dengan sistem kepercayaan masyarakat tradisional Kadazandusun di Sabah.

Kronologi kepada usaha membukukan cerita rakyat di Sabah memang suatu yang berat dan memerlukan usaha yang panjang. Cabaran linguistik dan geografi serta masa menjadikan semakin rumit. Namun kajian terus berjalan. Gidah (2001), telah menulis satu-satunya kajian ilmiah yang bersifat merentasi sempadan geografi dalam bidang sastera rakyat yang berdasarkan kepada mitos orang Kadazandusun di Sabah. Buku beliau bertajuk *Arkitaip-arkitaip dalam mitos Kosmogonik Masyarakat Orang Asli di Australia dan Orang Kadazandusun di Sabah*. Usahanya harus dipuji kerana telah mula membincangkan folklor mitos Sabah sekaligus menonjolkan kepentingan dan peranan cerita mitos tersebut. Low Kok On (2003), dalam tesisnya bertajuk Membaca Masa Silam Kadazandusun berdasarkan Mitos dan Legenda. Low Kok On menggunakan kajian lapangan untuk mendapatkan persepsi orang Kadazandusun. Low Kok On (2005) menambah usaha penyelidikannya melalui sebuah buku

yang diterbitkan pada tahun 2005 bertajuk *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Penelitian terhadap folklore Murut Paluan khususnya cerita Mitos amat diperlukan kerana kajian mengenainya kini masih pada tahap kekurangan. Penelitian ini penting bagi memahami sendiri kehidupan berbudaya etnik Murut Paluan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berorientasikan kajian lapangan dan disokong oleh kajian ilmiah kepustakaan. Penelitian kajian folklor ini merupakan penelitian dengan cara memerhati, menemubual dan melakukan catatan lapangan berdasarkan temu bual. Alat rakaman audio seperti pita, *memory card*, alat perakam suara digital (*voice recoder*) dan perakam video (*hande came*) digunakan untuk memudahkan penyelidikan supaya maklumat yang dikumpul diambil secara sempurna yang mungkin. Pengkaji sebagai instrument yang peka terhadap setiap reaksi informan dalam semua aspek keadaan untuk mengutip semua data. Oleh kerana menggunakan kajian etnografi (*ethnographic studies*) pengkaji mencuba memahami dan meneliti nilai budaya, cara hidup dan pegangan yang terkandung dalam folklore yang dituturkan. Oleh itu, penyelidik sedaya upaya menggunakan informan iaitu *human instrument* untuk mengetahui nilai-nilai yang terdapat dalam folklore masyarakat Murut. Mereka menyebut individu yang mahir dalam bidang ini dipanggil sebagai “*Aki Tutunungan*”. Kerja lapangan ini bertujuan untuk mengumpul data yang masih ada dalam memori informan. Pengkaji juga mengambil pendekatan perspektif etik dan emik. Teknik emik dan etik ini penting untuk memperolehi data-data yang seimbang semasa proses mengutip data di lapangan kajian bagi mengelakkan ketidakseimbangan data. Keseimbangan data penting untuk mencari penyelesaian kajian (Mohd. Yuszaidy Mohd Yusoff dan Muammar Ghadaffi Hanafiah 2005: 33-46).

yang cekap dan mudah.

DAPATAN KAJIAN

Mitos Angkapioh

Persepktif mitos dianggap sakral dan benar. Mengandung fakta kebenaran dan menjelaskan dunia sakral yang misteri. Dalam masyarakat tradisional mitos merupakan merupakan keterangan masa lalu yang diwarisi. Aliran idea, sikap, pendirian, adat istiadat dan tradisi masyarakat tercermin dalam kisah masa lalu mereka. Sumadi Suryabrata (1987: 13-70) menyatakan pandangannya bahawa aktiviti manusia mencakupi perhatian, pengamatan, tanggapan, fantasi, ingatan, fikiran, perasaan, dan motif-motif yang juga melibatkan golongan pengarang kreatif. Semua khazanah lalu ini dapat digali melalui ilham kebijaksanaan, kepekaan deria yang tinggi dan kemampuan mengolah sesuatu pemerihalan dalam bahasa yang indah dan gaya yang memikat pendengarnya.

Pemujaan terhadap alam ghaib telah mencipta rangkaian kepercayaan yang diterima dalam kehidupan mereka. Hubungan manusia dengan alam ghaib ditulis oleh Van Peursen (1985: 3840) dengan kenyataan bahawa mitos ialah medium yang menyedarkan manusia bahawa wujudnya kekuatan-kekuatan ghaib. Sistem ini hidup dan diterima sebagai dogma yang mempengaruhi budaya mereka. Fitrah untuk melakukan pemujaan juga menjadi konsep pemikiran yang biasa. Cerita ini, mengandungi pengaruh kepercayaan *animisme*. Kepercayaan *animisme* menurut E.B Tylor (1823: 377), adalah sesuatu kepercayaan yang didasari oleh anima yang merujuk kepada jiwa atau roh, anggapan yang menganggap batu, pohon atau pergunungan yang memiliki kekuatan magis yang kemudian diwarisi daripada leluhur peribumi.

Bronislaw Malinowski (1971: 74) cuba menerangkan fungsi utama mitos kepada kehidupan primitif manusia. Beliau membuat kenyataan bahawa mitos merupakan suatu pegangan yang mengangkat, mengungkapkan dan merumuskan tentang kepercayaan. Kepercayaan itu sendiri menurut Malinowski adalah menjadi mekanisme untuk melindungi dan membentuk nilai moraliti yang kuat, menjamin keberkesanan upacara ritual dan menyediakan peraturan-peraturan yang mengawal kehidupan manusia. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika masyarakat buta huruf menganggap mitos

sebagai pusat tumpuan kehidupan. Dalam erti kata yang lain, mitos itu dianggap kitab kehidupan yang mempunyai kedudukan tertinggi dan suci dalam menjadi panduan kehidupan manusia terdahulu.

Pendapat Malinowski mengandungi kewajaran berdasarkan pembinaan kepercayaan dalam mitos *angkapio*. Mitos *angkapio* mengasaskan kepercayaan bahawa binatang dan tumbuhan mempunyai semangat magis. Walaupun mitos ini terdapat gejala seolah-olah manusia tunduk terhadap alam dan mengaburkan bahawa manusia sebagai ciptaan yang sempurna. Namun, mitos *angkapio* ini memberi gambaran akan sifat manusia yang sesungguhnya adalah saling bergantung kepada alam untuk melindungi kehidupan mereka. Ahli antropologi Barat telah menamakan kepercayaan terhadap “*mother nature*” (alam semulajadi) sebagai “*omenisme*”. *Omenisme* merupakan kepercayaan yang percaya kepada kuasa semangat alam.

Hubungan yang erat dengan hutan memberikan impak yang sangat luas terhadap kepercayaan masyarakat Murut Paluan. Walaupun budaya bersifat dinamik namun, masih tercermin kepercayaan mengenai mitos *angkapio* sebagai panduan dan kawalan perilaku semasa berada mereka berada di dalam hutan. Kesan silam telah terhadap masyarakatnya yang dibekukan dengan lingkungan buta huruf pada zaman silam menyebabkan peraturan ini disampaikan secara lisan. Sisa mitos ini semakin menjadi pendek kerana merentasi peredaran masa yang hanya menyimpan dan mengekalkan isi pentingnya. Sedangkan dikatakan oleh pengalaman informan pertama Karimon Lumaing (2019), bahawa cerita mengenai penjaga hutan ini dapat disampaikan hingga ke subuh dengan menggunakan bahasa indah dan nada tertentu yang dikenali sebagai *guguliton* (cerita lama). Justeru kutipan mitos ini membahasakan mitos pendek yang masih dalam landasan tujuan untuk menyampaikan peneguhan kepercayaan masyarakat Murut Paluan mengenai semangat penghuni hutan iaitu binatang dan tumbuhan yang digeruni dan dihormati.

Dalam perspektif ini pula, makalah ini berusaha menampilkan kepercayaan *angkapio* yang mengawal pemikiran kumpulan subetnik ini yang percaya kepada petanda alam semula jadi. Mereka beranggapan bahawa setiap yang bakal berlaku boleh dirujuk kepada petanda *angkapio* di sekeliling mereka. *Angkapio* selalunya membawa petanda seperti didatangi oleh binatang-binatang yang dianggap mempunyai hubungan dengan dunia alam ghaib. Keyakinan terhadap kuasa hutan dirujuk kepada binatang dan tumbuhan yang dikenali sebagai tindakan *angkapio*. *Angkapio* merujuk kepada kata dasar dalam bahasa Murut Paluan “*kapio*” yang bermaksud benar atau betul dan menyokong firasat yang mempercayainya. Makna dan maksud sedemikian mentafsirkan sesuatu yang dipercayai dan diselidiki dengan secermat-cermatnya melalui deria mata dan telinga manusia. *Angkapio* adalah maklumat yang dibawa oleh tumbuhan dan binatang dan mengandungi pesan kepada manusia agar tidak terjerat dalam keputusan jahat alam ghaib yang mampu mengubah nasib seseorang.

Justeru, apabila berganjak membincarakan “alam hutan” dipercayai bahawa apabila seorang pemburu dan peneroka berada dan memijak kawasan hutan mereka perlu akur dengan peraturan di hutan. Nasib mereka mempunyai keterikatan dengan hutan dan penghuni hutan mempunyai kuasa menentukan arah perjalanan mereka. Hubungan dan komunikasi yang terjalin selanjutnya berbentuk pesan, kerjasama dan bahkan berbentuk konflik. Isyarat alam yang dikawal oleh semangat akan menyampaikan bentuk setuju dan tidak setuju akan kedatangan seorang pemburu atau peneroka di hutan tersebut. Penyelesaian boleh dicapai dengan membacakan jampi, menukar kata-kata terbalik dan membuat teka-teki. Pendekatan yang unik ini menjadikan golongan masyarakat Murut Paluan sangat arif membaca perlakuan binatang dan memahami bahasa (bunyi) yang dikeluarkan oleh binatang dalam hutan.

Binatang dan tumbuhan dalam folklore tradisional bukanlah sesuatu yang asing. Umumnya gerne cerita binatang dan tumbuhan merupakan cerita yang akan ada dalam prosa tradisional. Hal ini kerana sifat-sifat binatang secara semula jadi adalah hidupan yang menarik untuk memperkayakan cerita lisan sebagai watak hiburan, pengajaran kepada kanak-kanak. Kemunculan terhadap cerita semangat binatang dan hutan dalam kalangan masyarakat kerana kepercayaan terhadap alam ghaib. Terdapat pula tumbuhan dan pokok yang dijadikan sebagai mitos yang mempunyai hubungan yang erat dengan manusia dan bersifat kesaktian. Kuasa-kuasa ghaib ini merupakan roh kepada objek-objek alam yang berada di sekeliling masyarakat tradisional seperti pokok, batu, gunung, binatang, sungai, gua bukit dan sawah (Mohd Talib 1989).

Penjelasan mengenai mitos *angkapio* dalam masyarakat Murut Paluan lebih menekankan tentang kepercayaan yang membentuk peraturan masyarakat. *Angkapio* menekankan kepada masyarakat pendukungnya supaya berhati-hati ketika berada di dalam hutan dan sentiasa mengamalkan

sikap menghormati hutan. Jika dicermati mitos *angkapio* merumuskan *worldview* (pandangan hidup) masyarakat Murut Paluan sendiri iaitu perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan peraturan yang menumpukan kepada firasat. Firasat yang terbentuk daripada pengalaman mistik dan memanifestasikan kepercayaan terhadap alam ghaib. Sehubungan itu, mitos *angkapio* dijadikan sebagai ingatan, isyarat dan pengajaran semasa masyarakat pendukungnya mengadaptasikan diri dengan alam.

Sejalan dengan perbincangan mitos *angkapio* dalam makalah ini, penelitian yang dijalankan sekitar tahun 1920-an kegiatan ketika kegiatan antropologi yang rancak dan subur oleh ahli antropologi Barat di Sabah mereka telah mengutip data mengenai kehidupan masyarakat pagan yang di Borneo. Owen Rutter salah seorang antropologi pada masa itu telah menghasilkan buku *The Pagans of North Borneo* mendokumentasi beberapa mitos angkapio daripada pelbagai etnik pagan di Sabah. Beliau telah menyenaraikan omenisme mengikut klasifikasi etnik. Selang beberapa masa seorang ahli antropologi Tom Harrison (1969: 121) juga meletakkan sub tajuk *Animism: Omenism (kapio)* sebagai dapatan dokumentasi dalam jurnalnya. Jika diteliti secara cermat kutipan data beliau meletakkan terminologi *kapio* sebagai sub tajuk dan menyamai kepercayaan *angkapio* masyarakat Murut Paluan yang dijalankan hari ini. Oleh yang demikian, makalah ini berada dilandasan yang tepat untuk membandingkan kutipan mereka. Ini bermakna setelah seabad lalu (100 tahun) kepercayaan ini masih hidup sehingga ke hari ini dalam masyarakat Murut Paluan.

Kompenan asas *angkapio* adalah bergantung kepada alam. Oleh itu, salah satu cerita mitos yang mengangkat binatang ialah cerita “*susuit atulai*” (burung mulia) sama seperti yang terdapat dalam cerita masyarakat Dayak dan cerita dalam Islam. Memandangkan burung banyak digunakan sebagai *angkapio* maka cerita mitos ini mengukuhkan lagi binatang sebagai peneguh kepada firasat manusia. Sifat burung yang mudah bergerak, berpindah dan berbunyi telah mengangkatnya dalam klasifikasi binatang yang dianggap sebagai binatang pembawa khabar baik atau buruk. Masyarakat Murut Paluan percaya bahawa burung merupakan binatang yang terdapat dalam syurga yang mempunyai tugasannya yang tersendiri untuk memberikan pesan kepada manusia. Perkara ini boleh dilihat kepada mitos masyarakat Murut Paluan apabila seorang petani meminta pertolongan supaya burung memberikan khabar kepada *Aki Kinapuno* bahawa tanamannya mulai rosak. Mereka pun berjanji bahawa jika tanaman itu menjadi subur kembali maka masyarakat Murut Paluan akan mengambil burung sebagai pembawa berita yang boleh dipercayai.

Rondo orou ansail susuit apulak ra iku am kubab noh. Tingar kono ei Aki nantangi. “Aki nagayo pantangi ko?” Kono nu susuit itu. Tinumam ei aki. “Susuit kaw,” Kono. “Elaie ngah tanom ku, ano guat sumila iyoh. Ando kanon mai ri aru. “ Oh, kono poh gino aki ano asusah ko”. Kono. “Pakibala aku poh ri aki Kinapuno, atu kinulan no ra tanom tuyun.

“Suh, ko ra susuit apulak ra kubab, pahi pombobolo ko rakon. Ando kium akasuku ra intok ri Aki Kinapuno. “Kono poh gino, aki am aru kulimanin tuyun sangilan sukuan ku poyoh muoi ra gitu, mugar aku poh onsoyop ra limbowon. Kibalian ku poyoh ri Aki Kinapuno ragu tuyun. Bah ano bah muoi akai ra umo mai itu, aginaa akai ak ra kualon mu susuit kaw. Noh kukuo itu. “Suh nagayo bah anie mu aku ra kukuyo?”, “Salah, gino nga bubuaimu.” Indos ka kukuio itu sebagai kono pengenalan rilo kono nga tanda.

Bul kamu ra susuit itu nosoyob. Orou kasaa, orou karuo am orou katulu. Kuliman, kuliman ri aki am ei Aru. Bul! Ra susuit itu ra orou katulu. Tik! Tik! Tik! “Boko ruandu kaw, atu gitu tumitik itu?”, “Bah ragui ngah ra gino guat susit apulak ra kubab ili”. Oh kuon ri aki pagili aku poh nga ra sungait itu. Tumam poyoh am sumalog aku ra pagigimpalan toh ili. Asawat iku nu mondolon, alaromliga ripon bu mayan. Oko poh sunuin ku, munsop ko ra tinai nu baloi mai. Baru timumam bagu susuit itu , Suh nagayo bah anie muaku ra kukuo itu. Baru sinumalog ei aru am ei aki.Pagimpatui anduli kukuo itu. “Suh onsoi gitu.” Kono ei Aru am Ei Aki. Eliae rilo... tinumu bagu bilor ilo ratu kono tiniasan ra.... Mundok rilo rano, kinawa am asuang nangawa. Intor ra gili, alapo bah duo nu matuo itu susuit itu sebagai ra rangan rilo. Atu pana kono losob, kono anampio, am kibalin nu susuit apulak ra kubab itu. Gino nga atulai poh susuit itu. Atu ak bilin intor nu susuit pahi main-main,kapioh am kunu (Informan pertama, Karimon Lumaing 2019).

Ringkasan terjemahan:

Pada suatu hari seekor burung sedang melalui rumah sepasang suami isteri. Suaminya menangis dan burung itu bertanya mengapa dia menangis. Orang tua itu menjawab bahawa makanan mereka

habis lalu burung itu berkata supaya mereka jangan bersedih dan dia akan bertanya kepada Aki Kinapunoh akan keadaan yan mereka lalui. Lelaki tua itu pun hairan dan berkata bahawa tidak ada binatang yang boleh sampai tempat Aki Kinapuno kerana binatang tidak semulia manusia.

Burung itu pun berkata supaya kedua-dua pasangan suami isteri itu menunggu burung itu datang kembali dari langit. Mereka berstuju dan mengambil keputusan tidak akan ke kebun buat sementara waktu. Burung itu pun terbang ke langit. Burung tersebut memberi kata kunci “noh kukuo itu.” Sebagai pengenalan apabila dia kembali.

Pada hari ketuju burung itu pun datang dan berbunyi tik! tik! tik! Mereka meneka bahawa burung itu telah kembali kepada mereka lalu lelaki tua itu memberi kata-kata “*Asawat iku nu mondolon, alarom liga ripon nu mayan. Okop oh sunuin ku, munsop ko ra tinai nu baloi mai.*” [Panjang ekor ular sawah, tajam gigi buaya. Kalau kamu yang saya kejar, masuklah di perut rumah kami]. Selepas mengucapkan kata-kata tersebut. Burung itu telah menjatuhkan seekor anak ular yang berpatah balik ke belakang yang bermaksud nasib baik. Mereka melihat ke luar rumah padi, ubi dan buah-buahan mereka tumbuh dan berbuah. Mulai dair hari itu kedua-dua pasangan tua itu menjadikan burung tersebut sebagai kawan (Informan pertama, Karimon Lumaing 2019)

Jadual 1 Mitos *angkapiro* berdasarkan haiwan

Binatang	Bunyi <i>/Pergerakan/Gejala</i>	Angkapiroh (Petanda)
Titik baran (burung kecil berwarna merah)	<i>Angititik</i> <i>Tik-tik</i> (cepat) <i>Totot..tot...</i> Tik...tik...	Petanda sesuatu yang jahat akan berlaku.
Burung Sagap	<i>Sagap...sagap....maran..</i>	Petanda yang sangat bahaya (mayat) petanda ada kematian disebabkan kemalangan. Bunyi yang jarang-jarang memberikan petanda baik. Mendapat rezeki dalam perjalanan atau orang yang ditinggalkan mendapat berita baik sebelum kita tahu (Informan kedua, Musikin Ugau 2019).
Burung Karos	<i>Ting, ting ting,</i> Disusuli bunyi <i>Kakak, kakak,kakak</i> Dan bunyi terakhir <i>Uuuuit,uuuit,uuitt...</i>	Bunyi yang sinonim dengan bunyi maran (<i>araan guang</i>) hati sengsara. Jika terjadi kemalangan (tertindih, lemas, tertembak, terjerat dan kemalangan dalam hutan. Masalah lain yang berlaku di rumah seperti sakit dan persengketaan akan membawa kematian (Informan kedua, Musikin Ugau 2019). Perkataan kakak, kakak, kakak membawa bunyi <i>angakak ra ngail</i> yang akan membawa petanda kematian. Jika bunyi ini lengkap berbunyi ting, kakak dan uuit dan berbunyi di hadapan langkah seorang pemburu maka ini memberi petanda pemburu itu akan mati. Walaupun pemburu tersebut berpatah balik atau keluar dari kawasan tersebut (Informan kedua, Musikin Ugau 2019).
Burung Kisi	<i>Sih...sih...</i>	Berbunyi sekali dan bunyi itu tidak kembali ketika menebas atau membuka kawasan kebun, membuat rumah atau bagi tujuan tertentu menandakan bahawa kawasan tersebut tidak terbakar jika dibakar hujan akan turun. Jika tujuan adalah pergi menua dan burung ini berbunyi akan memberi petanda bahawa kumpulan penuba itu akan mendapat banyak ikan yang dan bunyi membuka sisik ikan berbunyi seperti burung tersebut sih.sih..sih. Sebaliknya jika burung ini berbunyi hanya sekali dan pergi daripada orang tersebut akan maka mereka perlu berpatah balik dan meninggalkan tempat tersebut secepat mungkin kerana dikhuatiri ditimpasalah seperti kemalangan dan sarangan haiwan (Informan pertama, Karimon Lumaing 2020)
Pintor	<i>Tor...tor...</i>	Jika seorang sedang bekerja membuka kawasan dan jauh dari rumah atau sedang berburu dan dalam keadaan kepenatan. Terdengar bunyi daripada burung ini. Lebih baik perjalanan tidak diteruskan dan perlu bermalam kerana perkara bahaya

Burung tuanga	<i>Tuanga...</i> <i>Tir...tir...</i>	yang menghalang jalan menunggu di hadapan (Informan pertama Karimon Lumaing 2020) Berbunyi banyak kali akan memberikan petanda baik iaitu keluarga akan mendapat <i>kium</i> (binatang). Sebaliknya jika burung ini berbunyi sekali maka akan memberikan petanda tidak baik seperti kematian (Informan kedua Muskin Ugau 2019)
dan lalantir		
Rusa (Payau)	Tiba-tiba muncul di hadapan pemburu atau rombongan.	Pergerakan ini dipanggil <i>omompong</i> yang bermaksud menghalang. Perjalanan yang berniat penting seperti mencari makanan dan teman hidup. Rombongan atau pemburu yang hendak berjalan ke tujuan mereka haruslah berpatah balik dan tidak meneruskan perjalanan (Informan ketiga, Azman Lungkung 2019)
Kijang (Tugau)	(<i>Omompong ra ralan</i>)	Maksud rantai memberi petanda bahawa perlu berpatah balik. Jalan dirantai tidak boleh dilalui. Jika perjalanan diteruskan akan membawa pemburu sesat atau hilang. Rantai juga membawa maksud kawasan tersebut dikepung, dikurung, dihalang dan dirantai. Jika pemburu atau pencari hasil hutan meneruskan perjalanan mereka akan ditangkap dihujung perjalanan. Masyarakat Murut Paluan perlu bijak mengenalpasti ular yang membawa kebaikan dan keburukan dalam hidup mereka. Hal ini kerana ular membawa dan memberi dua petanda iaitu “ <i>kuo noh</i> ” jalan terus atau “ <i>paih kuo</i> ” jangan teruskan (Informan pertama Karimon Lumaing 2019)
Palanduk (Karuan)	Menghalang jalan.	Jika ingin membuka sesuatu kawasan bagi tujuan membuat rumah atau pertanian. Angin tidak bertiup dan hujan tidak turun. Tiada sokongan alam lain yang boleh menyebabkan pokok tumbang. Kawasan tersebut tidak digalakkan untuk membuat rumah atau menanam tanaman. Petanda tersebut menandakan kawasan tersebut sudah diduduki oleh alam ghaib. Jika diduduki perlu dilakukan pemujaan dan meminta izik. Jika ini tidak dilakukan maka tempat tersebut tidak akan terlepas daripada bencana alam lain seperti banjir, kemarau dan makanan sukar dicari kerana manusia mencoroboh tempat tinggal semangat hutan yang menjaga kawasan tersebut.
Sansawali (Sejenis ular yang membawa maksud rantai)	Tiba-tiba terlihat ular ini di hadapan, kiri atau kanan perjalanan.	Memberikan petanda tidak baik seperti terdapatnya penyakit akan datang dan tetamu yang akan mengambil isi rumah tersebut (Informan pertama Karimon Lumaing 2019)
Pokok	Tumbang dan jatuh tiba-tiba	Jika ingin membuka sesuatu kawasan bagi tujuan membuat rumah atau pertanian. Angin tidak bertiup dan hujan tidak turun. Tiada sokongan alam lain yang boleh menyebabkan pokok tumbang. Kawasan tersebut tidak digalakkan untuk membuat rumah atau menanam tanaman. Petanda tersebut menandakan kawasan tersebut sudah diduduki oleh alam ghaib. Jika diduduki perlu dilakukan pemujaan dan meminta izik. Jika ini tidak dilakukan maka tempat tersebut tidak akan terlepas daripada bencana alam lain seperti banjir, kemarau dan makanan sukar dicari kerana manusia mencoroboh tempat tinggal semangat hutan yang menjaga kawasan tersebut.
Angkapioh (Antara mana-mana bunyi di atas berbunyi)	Pokok tumbang ketika berada di dalam rumah Bunyi burung, binatang dan pokok	Memberikan petanda tidak baik seperti terdapatnya penyakit akan datang dan tetamu yang akan mengambil isi rumah tersebut (Informan pertama Karimon Lumaing 2019)
		Jika pemburu sedang memotong hasil buruan, membuka sisik ikan, menebas dan membuat sulap (pondok) atau rumah serta Sedang melakukan sesuatu. Jika selangkah juga hendak melakukan perkara-perkara di atas. Jika angkapioh berbunyi ini memberikan petanda tidak baik. Bunyi tersebut (<i>sawau/paih</i>) yang bermaksu jangan (Informan kedua Muskin Ugau 2019).

Berdasarkan kepada mitos ini, ciri-ciri binatang seperti burung di letakkan dalam kedudukan yang paling lazim dan diperhatikan sebagai petunjuk alam. Isyarat alam ini sangat penting untuk mengetahui kejadian alam, pesan kejadian alam yang akan berlaku dalam kehidupan manusia. Binatang seperti burung, rusa, kijang pokok, batu, sungai dan sebagainya telah memastikan mitos *angkapioh* menjadi ilmu *angkapioh* yang dikaitkan dengan tanda-tanda yang mengubah kehidupan manusia. Mitos daripada watak binatang dan tumbuhan sebegini dianggap suci dan diyakini kebenarnya oleh masyarakat Murut Paluan. Isyarat alam begini boleh diimbas dalam cerita sejarah pembukaan negeri Melaka oleh Parameswara dan pengikutnya. Parameswara membuka Melaka kerana kagum akan pelanduk putih yang telah menendang anjing buruan baginda. Selain itu, baginda bertanyakan nama pokok tempat baginda bersandar dan pengikutnya membertahu nama pokok tersebut Melaka. Baginda pun menamakan tempat itu Melaka. Kisah sebegini merupakan petanda yang telah meneguhkan firasat baginda untuk membuat satu keputusan. Jadual 1 di bawah merupakan beberapa contoh mitos *angkapioh*

haiwan dan tumbuhan yang menghantar mesej kepada pemburu dan peneroka hutan melalui bunyi dan pergerakan.

Jadual 2 Mitos *angkapio* berdasarkan tumbuhan

Binatang/Tumbuhan/ Unsur bumi	Gejala	Pantang Larang
Pokok	Pokok ditebang	Jika hari ini ditebang dan tidak siap keesokan harinya perlulah disambung kerana sunsuyon nu palaki (akan diseberangi oleh sejenis binatang bernama palaki) jika binatang ini menyusur di kawasan tersebut terdapat dua keadaan akan berlaku iaitu tempat tersebut tidak mendatangkan makanan atau rezeki dan kawasan tersebut tidak akan terbakar jika dibakar (Informan pertama, Karimon Lumaing 2020)
Padi	Menanam padi	Jika padi tersebut dimakan oleh orang yang bukan pertama memakan padi tersebut pada masa akan datang padi itu tidak akan berbuah atau berlaku pengurangan. Padi tersebut perlulah ditumbuk, diambil berasnya, ambil panaa (alat untuk menebang), batu dan parang dan peralatan tersebut terlebih dahulu perlu diberi makan. Cara memberi makan dengan bacaan tertentu. Setelah itu, ambil jerami padi, tangkai padi, kulit jagung dan lipat menadi tujuh dan ikat di depan pintu dan beberapa ayat disebutkan. <i>"Ginoh ngah buyou nu bilor mai tili"</i> (Informan kedua Karimon Lumaing 2020)
Padi, ubi kayu, jagung, buah-buahan dan tanaman lain	Tidak boleh dimakan orang kedua.	Jika tempat tersebut pertama kali di buka dan ditanam penting orang lain tidak boleh memakan hasil tanaman yang diusahakan tuan empunya tersebut kerana bimbang tanaman tersebut tidak berbuah. Selain itu, orang kedua yang memakan makanan daripada penanam pertama juga menyebabkan mereka akan mengalami kemerosotan perkembangan keluarga (Informan kedua Muskin Ugau 2019)
Tuba		Tuba tidak boleh dibawa dalam kedudukan di hadapan sekali dalam perjalanan kerana jika dibawa dalam kedudukan di hadapan sekali tuba tersebut akan hilang bisanya dan tidak dapat mematikan ikan. Ini kerana akar tuba jika dibawa mendahului orang lain akan kembali ke pucuk tuba iaitu yang berada dalam kedudukan palainaing hadapan dalam struktur tumbuhan tersebut (Informan kedua Muskin Ugau 2019)

Angkapio ra tumalun, aguyum ra Akanon am angkapio ra agitutuo (Angkapio berburu, mencari sumber hutan dan menuba Ikan)

Aktiviti pemburuan merupakan dasar kepada ekonomi masyarakat Murut Paluan. Memburu bintaang merupakan kemahiran yang dikuasai demi memenuhi keperluan hidup. Zaini bin Mohd Isa (1969: 116) menyatakan bahawa pekerjaan berburu merupakan pekerjaan sehari-hari masyarakat Murut. Mereka menyalai dan membuat jeruk (pekasam) hasil buruan mereka agar tahan lama. Mitos masyarakat Murut Paluan juga menyatakan bahawa binatang mempunyai semangat yang sensitif. Binatang dalam hutan mampu mengetahui sifat-sifat tidak baik manusia. Aktiviti pemburuan hutan dipandang sebagai sebahagian tradisi yang sakral kerana melibatkan jampi dan kepercayaan. Mereka ditegah membawa sayuran hijau semasa berburu dan tidak boleh ditegur kerana membawa "sial" (Zaini bin Mohd Isa 1969: 11) pendapat ini disahkan benar oleh informan (Karimon Lumaing 2020). Justeru binatang di hutan mempunyai pelbagai syarat untuk didapatkan oleh manusia. Mereka juga dijaga oleh *Aru* (Bermaksud nenek panggilan secara hormat dan umum kepada semangat alam) yang tinggal dalam habitat mereka agar tidak mudah pupus dan dijahui daripada keinginan jahat ataupun tamak manusia. Pengetahuan sebegini juga merupakan benteng kepada diri mereka untuk mengelakkan ancaman.

Penyelidikan yang djalankan oleh Tom Harrisson (1967: 122) menunjukkan bahawa kepercayaan *angkapio* dipanggil *kapio* dalam kajian beliau. Persamaan terminologi hampir menyamai kajian dalam makalah ini. Beliau berpendapat bahawa kepercayaan *kapio* adalah digolongkan dalam kepercayaan *animism* yang lebih kepada tahuyl tetapi sangat dipercayai masyarakat Murut. *Kapio* menurut beliau juga adalah "...generally, one call (or multiples thereof) is a bad omen, two (or multiples) a good..." Pendapat beliau secara kasar menunjukkan bahawa *kapio* adalah membawa maksud buruk atau baik.

Terdapat persamaan dalam dapatan kutipan kajian beliau menunjukkan bahawa *angkapio* melalui bunyi binatang mampu memberikan suatu petanda tidak baik seperti kutipan data dokumentasi

pada jadual 1. Binatang burung merupakan binatang yang mengeluarkan bunyi *angkapio* paling lazim dijadikan rujukan melihat alam oleh masyarakat Murut. Antara burung dalam dapatan beliau ialah lalantil (lalantir dalam kajian makalah ini) yang membawa maksud *cut, wounds or bleeding death* [potong, luka dan kematian kerana pendarahan] akibat yang akan ditanggung ketika terdengar bunyi “*ti-til*”. Walau bagaimanapun, kajian Harrison ini tidak dijelaskan secara terperinci berapa kali bunyi itu perlu didengar untuk mendapatkan keputusan. Berdasarkan jadual 1 bunyi ini perlu didengar dengan cermat seperti jika berbunyi banyak kali “*tir...tir...*” akan memberikan petanda baik iaitu keluarga akan mendapat kium (binatang). Sebaliknya jika burung ini berbunyi sekali “*tir*” maka akan memberikan petanda tidak baik seperti kematian. Begitu juga dengan burung *sahap* dalam kajian beliau untuk perjalanan tetapi tidak dijelaskan dengan terperinci seperti dalam makalah ini bahawa burung *sagap* mempunyai persamaan hantaran mesej yang sama dengan burung *lalantir (lalantil)*.

Di samping itu, kepercayaan *angkapio* juga boleh didapati pada binatang lain. Tidak jauh dari penerbitan jurnal Tom Harisson pada tahun 1967, seorang pengkaji tempatan iaitu Zaini bin Mohd Isa (1969:107) telah menerbitkan bukunya dan meletakkan kepercayaan *angkapio* Murut sebagai pantang larang. Namun, perbincangan mengenai *angkapio* yang diletakkan sebagai pantang larang adalah tidak menepati fungsi tersebut. Namun, penyerapan binatang lain dalam kajian beliau adalah menjadi sokongan kepada makalah ini bahawa *angkapio* juga berlaku pada binatang lain seperti burung, ular, rusa atau kijang. Beliau menyatakan bahawa sekiranya berlaku kematian dalam perjalanan pulang dari rumah si mati dan mereka berjumpa ular, rusa atau kijang menghalang perjalanan mereka, mereka perlu berpatah balik ke rumah si mati itu tadi dan seekor ayam akan disembelehan dan darahnya di palitkan ke badan semua orang yang ada di rumah itu. Perbuatan ini sebagai tanda menyucikan, jika tidak kemalangan akan menimpa mereka. Namun, ini melihat *angkapio* ini dalam kajian beliau adalah apabila berlaku kematian.

Binatang hampir sama juga terdapat dalam masyarakat Murut Paluan. Mereka percaya apabila seseorang berada di dalam hutan atau sedang berjalan ke mana-mana jika terdapat *kukuo* (ular) sedang memotong atau melintasi jalan tersebut, maka dipercayai mendatangkan tanda yang tidak baik dan sesuatu perkara buruk akan berlaku. Sebaliknya, jika ular tersebut memotong tapi berpatah balik situasi tersebut memberikan petanda yang baik dan berkemungkinan pemburu akan mendapatkan hasil buruan. Binatang yang sama berperanan memberikan petanda seperti di atas adalah *karuuan* (pelanduk) binatang tersebut memberi isyarat terhadap situasi yang akan bakal berlaku. Masyarakat Murut menterjemahkan situasi tersebut kepada percakapan “*paih kau landuk*” [jangan kamu teruskan perjalanan]. Mereka percaya percakapan tersebut merupakan percakapan daripada binatang pelanduk tadi (Informan pertama Karimon Lumaing 2016).

Malangnya, tidak semua ahli antropologi barat dapat mengutip data kepercayaan masyarakat Pagan (Murut) pada ketika itu. Makalah ini telah mencungkil komponen lain daripada kepercayaan mitos *angkapio* (*omenism*) iaitu kepercayaan bahawa masyarakat Murut Paluan percaya bahawa bunyi binatang merupakan bentuk teka-teki kepada manusia untuk mendapatkan maklumat atau terhidar daripada malang *angkapio*. Misalnya, binatang yang dijoloki sebagai pandai seperti pelanduk, ular burung dan monyet selalu digambarkan binatang yang nakal dan suka berteka-teki. Jika seorang pemburu ke hutan berjaya menjawab teka-teki binatang tersebut terutama dalam bentuk bunyi maka mereka akan terlepas daripada sesat dalam hutan. Namun, jika mereka tidak dapat menjawab bunyi tersebut merka akan terperangkap dalam hutan tersebut. Seorang pemburu yang hebat dan baik akan mampu mentafsir bunyi disekelilingnya dan membuat teka-teki sendiri dan menjawabnya. Mereka percaya bahawa teka-teki tersebut hanya dalam bentuk bunyi dan berasal daripada dunia bunian yang cuba memerangkap mereka. Seorang pemburu yang hebat akan berkata-kata dan menyindir bunyi binatang yang dikatakan seolah-olah bercakap dengan mereka seperti berikut:

Burung (*Susuit*)

*Tuk! Tuk! Atindukmu kanon ku, salah ki oko kanawai tinumanduk ra raan nu kolobon. Haahh...
[Tuk! Tuk! Kau tepatuk makanan saya, bukan kau burung yang hinggap di dahan kolobon (sejenis pokok)]*

(Sumber: Informan pertama Karimon Lumaing, 2019)

Ular (*kukuo*)

*Sihh...Sihh... mondolon kaw, oko liga sumunsui ra batang nu togob. Oko poyoh eyau kamu.
Salah ko poyoh. Am gitu aku tondon ra gitu. [Sih...sih... sekalian ular, kau yang menjalar di pokok*

togob. Jika kau itu, kata ya. Jika bukan kau. Sini saya berhenti di sini].

(Sumber: Informan pertama Karimon Lumaing, 2019)

Palanduk

Landuk! landuk! Karuan nalilis ra kukur noh. Bah sail kono! [Landuk! Landuk! Pelanduk kaki kecil itu, Bah lalulah kau!]

(Sumber: Informan pertama Karimon Lumaing, 2019)

Jika burung, ular dan pelanduk itu lalu maka kita boleh meneruskan perjalanan, jika tidak kita perlu berhenti dan menunggu lebih lama lagi untuk menunggu binatang seterusnya minta diteka bunyinya. Oleh yang demikian, mitos *angkapio* selalunya hadir apabila seorang pemburu tidak mengamalkan pelakuan sepatutnya ketika berada di dalam hutan. Justeru itu, mitos *angkapio* tidak boleh dipisahkan berasingan dengan pantang larang ketika seorang berada atau menuju ke hutan. Kepentingan pantang larang semasa memburu adalah untuk menghindari bunyi *angkapio*. Jika *angkapio* berbunyi seseorang pemburu akan menunjukkan kekesalan hatinya dengan menyahut “*buya*”. Perkataan ini diucapkan semasa mendapat khabar yang tidak baik, kemarahan, kesedihan dan kekecewaan. Antara pantang larang yang perlu dipatuhi oleh seorang pemburu ialah:

1. Apabila berada di dalam hutan tidak boleh bercakap banyak untuk mengelakkan sial atau masalah. Manusia harus mengawal pertuturnya dikhuatiri akan menyenggung penjaga hutan. Jika penjaga hutan tersenggung binatang *angkapio* akan berbunyi (Informan kedua, Musikin Ugau, 2019).
2. Bagi mengelakkan *angkapio* jahat berbunyi, jika seorang pemburu melewati satu tempat dan terjumpa tumbuhan atau binatang berguna. Pemburu tidak boleh berkata “bagus ini” tapi sebaliknya perlu cakap sebaliknya “jahat ini” buang supaya hantu atau penjaga hutan yang mendengar pun tahu benda tersebut jahat, jika benda itu baik maka orang yang mengatakannya juga akan dimakan (Informan kedua, Musikin Ugau, 2019).
3. Jika pergi memburu kita tidak boleh menyebut nama binatang tersebut. Jika kita terlihat kita perlu memberi nama lain. Contoh *kalawot* (sejenis monyet) menukar namanya kepada *Matakai ra pengagawor* (panjang tangan). Tugau, asi kepada *raun asilau* (daun kuning) (Informan kedua, Musikin Ugau, 2019).
4. Apabila berada di hutan misalnya dengan bilangan sepuluh orang kita tidak boleh mengira untuk mengelakkan salah satu daripada pemburu tersebut akan hilang (Informan kedua, Musikin Ugau, 2019).

Terdapat beberapa klasifikasi yang digunakan untuk membaca perlakuan binatang semasa berada di dalam hutan. Manusia juga disarankan untuk menjaga tatatertib di dalam hutan dengan tidak bercakap sembarangan kerana dipercayai bahawa binatang mampu mengerti apa yang dikatakan oleh manusia. Dalam banyak tradisi dan mitos, mitos *angkapio* merupakan pengetahuan yang diterima secara langsung daripada pengetahuan bunyi binatang. Dalam kes ini, Masyarakat Murut Paluan memberi respon kepada penyampai penghuni hutang yang ghaib. Misalnya semasa berada di dalam hutan untuk berburu (*tumalun*) mereka telah menetapkan pantang larang lain yang berisi mitos. Jika pemburu mendapat binatang, pemburu harus memotong sedikit daging tersebut dan menyerahkan kepada penghuni hutan dan berkata “*Noh, Aru pahi akai lunsayo oko ra noro, aku ra gitu*”. [Nah, aru jangan kau hancurkan kami. Kami punya ini dan kau punya itu] Jika tidak penunggu akan ikut dan memakan sama-sama pemburu. Jika tidak puas penunggu atau semangat hutan akan memakan pemburu itu sekali dan menyebabkan kematian (Informan pertama Karimon Lumaing, 2019).

Selain itu, jika *angkapio* berlaku akan ada tanda susulan menyusul iaitu binatang lain juga boleh memberikan petanda yang tidak baik yang dikenali sebagai *ampangalar* iaitu roh si mati yang menyamar menjadi binatang buruan di hutan. Roh yang telah mati akan menjelma menjadi *ampangalar* memberi petanda bahawa si mati telah meninggal kerana mati secara dibunuh atau dalam kemalangan yang mengerikan. Pemburu harus cepat-cepat meninggalkan tempat tersebut kerana akan mendatangkan malapetaka susulan kepada orang yang melihatnya. Jika binatang (*ampangalar*) ini ditembak atau dibunuh beberapa tanda yang terdapat pada binatang tersebut seperti berteriak seperti manusia dan mampu membuka mata sendiri, bulu yang mempunyai banyak telur kutu manusia (*lios*) walaupun setelah dibunuh dan tidak boleh dimakan (Informan pertama Karimon Lumaing 2019).

Ampangalar suka menyamar dalam rupa payau (rusa) kerana mempunyai tubuh yang besar dan bertanduk seolah-olah bermahkota. Tanduk binatang ini disukai oleh manusia dan disimpan sebagai hiasan kerana cabang-cabangnya yang kelihatan seperti binatang memakai topi raja (Informan pertama Karimon Lumaing 2019).

Selain mengenalpasti *angkapio* di dalam hutan semasa berburu, *angkapio* menuba ikan juga hampir mempunyai persamaan dengan *angkapio* memburu. Perkara ini berkaitan kerana hala tuju seorang penuba juga adalah melalui hutan sebelum sampai ke sungai. Frank M. Lebar (1972:12), menyatakan bahawa menangkap ikan menggunakan tuba (*poison*) merupakan cara Masyarakat Murut. Jika tujuan adalah pergi menuba dan burung ini berbunyi akan memberi petanda bahawa kumpulan penuba itu akan mendapat banyak ikan yang dan bunyi membuka sisik ikan berbunyi seperti burung tersebut sih...sih...sih seperti yang dijelaskan dalam jadual 1.

Oleh itu, terdapat beberapa jampi dilafazkan sebelum berburu da mencari hasil hutan. Modal untuk mencari sumber makanan menggunakan jampi merupakan penarik kepada binatang agar tertarik kepada bunyi yang ditup atau dibunyikan. Sebelum meniup daun beberapa jampi dibacakan agar lebih kedengaran seperti binatang. Pengetahuan mengenai jampi semasa di dalam hutan merupakan pengamatan yang tajam manusia mengenai alam kehidupan tumbuhan dan haiwan. Jampi mendapatkan binatang kemudian dibacakan yang berfungsi seperti “*pungai*” (pengasih) kepada binatang. Cara begini juga digunakan semasa menuba atau menjala ikan. Beberapa umpan akan dibacakan kemudian ditaburkan ke dalam sungai.

Contoh jampi yang dibacakan:

Pait kaw! Aru nu sungoi [nama sungai]

*Silah kau noyo ngah sinusub aku ri Aku Kinapuno
moui pangalap ra muyun.*

Topot poh ragu ku sumulung kaw noyoh.

Fuh! [Meniup umpan] *Akita-kita mato nu papait ino
Agilong ra mamas nu mundok apulak itu. Boko muyun.*

Terjemahan dalam Bahasa Melayu:

Ikan semua! Aru penjaga sungai [Sebut nama sungai]

Munculah kamu kerana saya di suruh Aki Kinapuno

Pergi mengambil kamu

Jika benar kata-kata saya ini kamu masuk sudah

Fuh! [meniup umpan] Ternampak-nampak mata ikan itu.

Meniup umpan yang dipegang dalam genggaman tangan dan ditaburkan.

(Sumber: Informan pertama, Azman Lungkung 2019).

1. Apabila menuba dan kita melihat ikan yang banyak kita tidak boleh bercakap banyaknya ikan tapi mencari nama lain bagi ikan untuk mengelakkan tiada ikan. Nama yang selalu digunakan seperti *bubuai kutu* (mainan saya) (Informan kedua Musikin Ugau 2019).
2. Orang lain juga tidak boleh *anginuoh* (menuba) mesti yang *agiakat* (mengambil tuba dan mengetuk tuba) orang pertama yang akan mengambil ikan. Ikan tersebut perlu *gantabin noh ra iku anin noh dabubus am dalayoh baru abulih kaw agitutuo numagu am ano apuso papait* (dipotong ekornya diberikan di hulu dan hilir sungai supaya orang sterusnya boleh menuba dan ikan tidak hilang). Terutama di sungai yang terdapat aru seperti sungai Mandun dan Polowon (Informan kedua Musikin Ugau 2019).

***Angkapio ra amalalang* (*Angkapio* membuka kawasan)**

Penyebaran mitos *angkapio* turut dipercayai dan digunakan apabila membuka kawasan hutan bagi tujuan pertanian dan petempatan. Masyarakat Murut Paluan percaya apabila membuka kawasan tidak boleh terus melakukan pekerjaan seperti menebas tetapi perlu *kaption/lalangin* (Diam dan mendengar bunyi binatang *angkapio*). Jika tidak sebarang bunyi, peneroka harus pulang dan datang keesokkan harinya untuk mendengar *angkapio* sehingga *angkapio* memberi tahu tempat tersebut sesuai dijadikan petempatan atau pertanian (Informan pertama Karimon Lumaing, 2020).

Selanjutnya, jika aktiviti menebas separuh perlu membakar api (*ansuru ra apui*) dan mendengar *kapio* jika *kapio* berbunyi seperti *titik baran*, *sagap*, *kisi*, *karos*, *lalantir* dan *tuanga* (burung). Jika tiada hari tersebut semasa hendak membuka kawasan, pembuka kawasan perlu datang keesokkan harinya, jika tiada juga bunyi keesokan harinya. Kawan tersebut tidak boleh dibuka (*lolong*) kerana dipercayai tiada binatang *angkapio* yang pergi melihat si pembuka di kawasan tersebut dan dipercayai tidak mendatangkan rezeki tetapi akan membawa nasib jahat dan malang kepada si pembuka. Mereka akan mendapat nasib yang kurang baik seperti tanaman tidak menjadi, selalu mengalami gangguan, sakit dan kemalangan (Informan pertama Karimon Lumaing, 2019). Petanda dalam situasi ini boleh dilihat dalam kajian Owen Rutter (1929: 234), dalam sub tajuk bukunya “*omens connected with the birds*” menyatakan bahawa Burung *kisi* merupakan pembawa mesej pengesan aneh masyarakat Murut di Rundum. Masyarakat Rundum percaya jika burung ini berbunyi empat kali maka membawa petanda baik. Dalam makalah jadual 1 ini pula jika burung *kisi* berbunyi sekali dan bunyi itu tidak kembali ketika menebas atau membuka kawasan kebun, membuat rumah atau bagi tujuan tertentu menandakan bahawa kawasan tersebut tidak terbakar jika dibakar hujan akan turun. Sebaliknya jika burung ini berbunyi hanya sekali dan pergi daripada orang tersebut akan maka mereka perlu berpatah balik dan meninggalkan tempat tersebut secepat mungkin kerana dikhuatiri ditimpa masalah seperti kemalangan dan serangan haiwan. Jika berbunyi lebih daripada satu kali akan membawa nasib yang baik. Terdapat persamaan akibat dalam kajian Rutter dan kajian *angkipo* ini.

Terdapat juga kepercayaan masyarakat Murut Paluan terhadap petanda yang diberikan oleh sesetengah binatang apabila ingin membuka sesuatu kawasan bagi tujuan petempatan atau membuka tanah bagi tujuan pertanian. Binatang *tugau* (kijang) yang sedang berbunyi memberikan isyarat apabila *andilik* (menebas) dijalankan bahawa kawasan tersebut akan terbakar apabila proses membakar dijalankan selepas menebas. Petanda tersebut juga dikatakan membawa nasib yang baik terhadap keluarga yang membuka kawasan tersebut (Informan kedua Muskin Ugau, 2019).

Kepercayaan kepada *angkapio* yang menyerap dalam kehidupan masyarakat Murut Paluan ini telah membentuk satu alur kepercayaan yang diterjemahkan dengan beberapa peraturan atau piagam ketika memasuki hutan. Masyarakat Murut mempercayai bahawa semangat dan roh ini menyatu dengan mereka dan dianggap sebagai kepercayaan yang membawa kesan kepada kehidupan mereka. Menurut Rahmat S.H (1979: 32), tenaga ghaib yang tersimpan dalam makhluk dan objek itu boleh dikeluarkan dan memberi faedah kepada manusia dalam bentuk magis. Sementara itu, Hayat (2003), menyatakan ritual yang dilakukan oleh manusia tidak terlepas dari hubungan dengan alam iaitu supaya alam tidak murka kerana alam melambangkan Tuhan.

Cara pandang masyarakat masyarakat Murut Paluan ini membolehkan mitos *angkapio* berperanan sebagai pengawal dan dijadikan sebagai piagam. Perbuatan pelanggaran adat ketika berada di dalam hutan adalah sangat berat. Walaupun aktiviti memasuki hutan dianggap sebagai norma. Pergerakan seorang pemburu terikat kepada peraturan hutan, manusia boleh saja hilang dan tidak tahu jalan pulang atau balik dalam keadaan tidak siuman. Mereka dituntut mempelajari ilmu hutan daripada orang yang berpengalaman. Misalnya mereka perlu belajar pandai melakukan perbuatan (*uakwin*) meminta belas kasihan dan dengan kata-kata (*Gino nga aru, pahi akai kaluoro*) [Itulah aru (Nenek nama penjaga hutan) jangan sakiti saya]. Perkataan yang dilafazkan juga ialah (*Paih noh kalatoo ralan kutu*) [Jangan memberi nasib yang jahat dalam perjalanan kami]. Setelah itu, pemburu atau peneroka hutan perlu berdiam sejenak dan menunggu sebelum meneruskan perjalanan. Perbuatan ini adalah menunggu binatang atau pokok yang mempunyai semangat tenang (Informan pertama Karimon Lumaing 2020). Jika keadaan menjadi baik maka perjalanan boleh diteruskan. Jika sebaliknya maka perjalanan perlu ditangguhkan.

Menurut informan pertama, Karimon Lumaing (2020) lagi, terdapat perbuatan pemburu yang tidak disukai oleh semangat atau roh dalam hutan seperti membakar binatang pada waktu petang (magrib). Semangat-semangat ini akan keluar daripada pokok dan binatang untuk memakan hasil buruan yang telah ditangkap oleh pemburu. Situasi ini dipanggil *lunsayon*, lumunsai (mengamuk dan marah) dan penjaga hutan akan datang *sumanginan* (menunjukkan diri) dalam figura makhluk besar dan hitam. Bagi mengelakkan keadaan ini berlaku pemburu perlu mengambil parang secepat mungkin dan berkata *Paih akai lunsoi aru* [Jangan hancurkan kami Aru] diikuti dengan memacakkkan parang ke tanah supaya itu jin-jin tidak makan pemburu atau peneroka sekali. Perbuatan sebegitu adalah sebagai penghormatan dan mendamaikan manusia dengan alam ghaib. Ramesh Chopra (2005:742), menyatakan orang-orang animis melakukan beberapa penghormatan kepada roh ghaib agar tidak mendapat

gangguan dan dalam masa yang sama untuk memohon bantuan daripadanya.

Hubungan sosiologikal dengan pengaruh alam supernatural telah diabadikan menggunakan tradisi lisan. Cerita-cerita ini menjadi aktif kerana berfungsi sebagai cermin sosial kepada pendengarnya untuk dijadikan panduan dan pedoman hidup. Justeru, bagi melihat kuatnya kecenderungan mitos membentuk piagam masyarakat Murut Paluan beberapa cerita ditampilkan untuk mengeluarkan kerangka piagam tersebut. Bronislaw Milanowski (1971: 78) menyatakan bahawa mitos memiliki kuasa kawalan yang tinggi dan dihormati serta bertindak sebagai piagam *Myth as a chartes*. Piagam ini mengawal adat, amalan ritual, moral yang mempunyai nilai tinggi dalam masyarakat. Tuntutan menyeluruh yang didengar daripada mitos dianggap suci, sakti dan boleh menyebabkan akibat (*effect*) kepada pendengarnya jika cuba melanggar penyampaian peraturan yang terdapat dalam isi cerita tersebut.

Di sebalik mitos *angkapio* ini, cara fikir masyarakat Murut Paluan khususnya telah merakam petanda dan pantang-larang mengenai alam. Mereka juga percaya akan kesaktian binatang dalam menentukan nasib mereka yang mempunyai roh dan semangat. Mitos ini secara tidak langsung menimbulkan rasa hormat yang tinggi masyarakat setempat terhadap. Akibatnya, masyarakat Murut Paluan menjadi sedar untuk mengadakan pertukaran persebahan atau sasajian (*susubakin*) untuk memikat dan mengambil hati dewa-dewi tersebut. Selain itu, untuk menjaga hubungan dengan alam ghaib masyarakat Murut juga perlu mengadakan aktiviti ritual untuk memberi jamuan kepada makhluk-makhluk yang menjaga sesuatu kawasan (Informan keempat, Ganiam Tungkuyan 2018). Kepercayaan sebegini mempunyai hubungan dengan tujuan perdamaian dan pengawalan norma masyarakat Murut Paluan agar tidak melanggar adat. Pengawalan ini penting bagi mendepani revolusi zaman agar tidak mencemarkan identiti masyarakat setempat.

Justeru itu, Hassan Shadily (2012: 62), menyatakan bahawa jiwa dan roh perlu dilayan dengan hormat agar ianya tidak mengganggu kehidupan manusia atau mereka akan menghulurkan bantuan kepada kehidupan mereka. Kepercayaan sedemikian tidak jauh dengan kepercayaan etik Kadazan dan Dusun mereka beranggapan bahawa berbuat perkara yang tidak sopan akan menjelaskan keseimbangan di antara dunia nyata dengan dunia ghaib sama ada sengaja atau tidak dan menyebabkan mereka jatuh sakit (Low dan Sri Ningsih 2003: 47-59).

KESIMPULAN

Masyarakat Murut mempunyai pengalaman *world view* (pandangan hidup) yang hampir sama seperti masyarakat yang lainnya. Mereka mempunyai unsur nilai dan norma dalam kehidupan seharian bagi membentuk identiti Murut yang menghormati semangat alam. Unsur nilai dan norma ini digunakan oleh masyarakat pendukungnya untuk mengawal kehidupan dan memelihara sistem budaya yang mencorakkan kehidupan mereka. Pegangan mereka banyak dipengaruhi cerita mitos kerana terdedah kepada kehidupan alam yang masih menebal dan masih mengamalkan kemahiran tradisional untuk memahami sekeliling mereka. Mereka melihat sekeliling mereka sebagai suatu yang misteri, mempunyai roh dan penjaga tersendiri yang tidak dapat dijelaskan secara saintifik namun, dapat difahami secara pemerhatian batin. Keadaan ini dapat diteliti dan difahami menggunakan pengajaran daripada cerita mitos sebagai sumber kepada pegangan dan kepercayaan mereka. Amalan-amalan ritual dan kepercayaan terhadap sekeliling mereka merupakan sumber piagam yang menyusun kertertiban perlakuan masyarakat setempat.

Justeru, pandangan hidup ini adalah wujud daripada kepercayaan cerita mitos yang mengandungi prinsip-prinsip nilai moral, etos dan norma. Sebagai sebuah masyarakat yang bermula dengan kebolehan afalan untuk menyampaikan keseluruhan budayanya peranan mitos merupakan sarana untuk merumuskan keperluan pengawalan nilai masyarakatnya. Menyedari hakikat ini proses pengawalan itu paling ketara ditonjolkan dalam menjaga hubungan dengan alam ghaib. Kehidupan mereka yang banyak berhubung dengan dunia semangat dan roh alam spiritual melahirkan pengetahuan dan peraturan mendalam mengenai sekeliling mereka.

RUJUKAN

- Arena Wati. (1978). *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Yayasan Sabah.
- Azman Lungkung. (2019). Kosmologi Murut Paluan. Temubual 18 September.
- Bascom, R. William. (1965). The forms of folklore: Prose narrative. *The Journal of American Folklore*, 78 (307) Jan-Mac: 3-20.
- Brewis, Richard. (1985). *Cerita Dongeng Sabah*. Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- Brooks M. Margaret. (1961). *Cherita-cherita Dongeng Dari Sabah*. Sarawak: Borneo Literature Bureau.
- Edward Burnett Tylor. (1873). *Primitive Culture Researches Into Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom*. London: John Murray: 377.
- Ganiam Tungkuyan. (2018). Babalian dan peranan, Sabah. Temu bual. 20 Januari.
- Harrison, T. (1967). Ethnological notes on the Muruts of the Sepulut Rivers, Sabah. *Journal Malay Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 40: 121-122.
- Hassan Shadily. (2012). "Animisme," dalam *Ensiklopedi Umum*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius, (20): 62.
- Hayat, Muhammad. (2003). Bertahannya Tradisi Tengger dalam Masyarakat Yang Sedang Berubah dalam Nuruddin dkk., *Agama Tradisional: Potret Kearifan Hidup Masyarakat Samin dan Tengger*. LkiS: Yogyakarta.
- Jacinta Tangil (2001). *Puisi Tradisional Kadazandusun : Satu Gambaran Kepercayaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamilah Hj. Ahmad. (1990). Cerita-cerita teladan, jenaka dan ninatang dalam Sastera Rakyat. *Dewan Sastera*. Jil. 20. Bil. 6:21-24.
- Karimon Lumaing. (2018,2019&2020). Angkapio Murut Paluan Sabah. Temu bual, 18 September.
- Lasimbang, Rita .(1999). Kadazan Folklore. Kota kinabalu: Natural History Publications (Borneo): 2-3.
- Leon Comber (1975). *Favourite Stories from Borneo*. Kuala Lumpur Heinemann Educational Books (Asia) LTD.
- Leong, Frederick Charles. (1968). How The World was Made. Dlm Marsh, Ignatia Olim. (ed.). *Sabah: Legends and Customs*. Keningau, Sabah: St. Francis Xavier's Secondary School.
- Low Kok On. (2005). *Membaca Mitos dan Legenda Kadazan Dusun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 127&135
- Malinowski Branislaw. (1971). *Myth Primitive Psychology*. New York : Negro Universities Press: 74&78.
- Marsh, Ignatia Olim. (ed.) (1988). *Tales and Tradition from Sabah*. Kota Kinabalu: The Sabah Society.
- Maskiah Hj. Masrom. *Pembangunan Akhlak Satu Analisis berdasarkan Cerita Kanak-kanak dengan Tumpuan Khusus terhadap Cerita Adaptasi Kisah Haiwan daripada AL-Quran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Nor Long. (1978). *Cerita Rakyat Sabah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Talib Osman. (1989). Malay Folk Belife: *An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yuszaidy Mond Yusof & Muammar Ghadafi Hanafi. 2015. Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia, *Jurnal Komunikasi*. Jil. 31(2):33-46.
- Nur Alisha Mengga (2023). Unsur tumbuhan sebagai perlambangan dalam peribahasa Iban. PENDETA. Jil 14 (1): 1-10
- Muskin Ugau. (2019). Angkapio & Cerita mitos. Sabah. Temu bual, 20 Januari
- Nygren, Mariann. (1991). *Tagal Murut Folk Tales*. Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Rutter Owen (1929). *The Pagans of North Borneo*. New York: Oxford University Press: 223-234.
- Shaiful Bahri Mohd. Radzi (2012). Tradisi Lisan: Prosa. Dlm. Sahlan Mohd.Saman dan Shaiful Bahri Md Radzi (pnyt.) *Persuratan Melayu Tradisional ke Modern*, hlm. 17-18. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Sumadi Suryabrata. (1987). *Psikologi pendidikan*. Jakarta: Rajawali Press: 13-70.
- Tuan Siti Nurul Suhada Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2023). Akal budi orang Melayu menerusi cerita-cerita Rakyat. PENDETA. Jil. 14 (2): 56-70.
- T. R William. (1965). *The Dusun: A North Borneo Society*. London: Holt, Rinehart & Winston: 11,19&44.
- T. R William. (1969). A Borneo Childhood: *Enculturation in Dusun Society*. London: Holt, Rinehart and Winston.: 5,10&44.
- Tjilik Riwut. (1993). Kalimantan Membangun Alam dan Kebudayaan. Yokyakarta: PT Tiara Wacana Yogyakarta.
- Whelan, F.G. (1970). *A History of Sabah*. Kuala Lumpur and Singapore: Macmillan.
- Zaini bin Mohd Isa. (1969). Kebudayaan dan Adat Resam Kadazandusun dan Murut. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.